KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## SELASA, 5 DISEMBER 2023

## LAPORAN HARIAN

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



5/12/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **MANFAAT TALIAN 15999 UNTUK BENDUNG PERMASALAHAN KANAK-KANAK** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1037041/manfaat-talian-15999-untuk-bendung-permasalahan-kanak-kanak | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2250749 | BERNAMA.COM |
| | https://theedgemalaysia.com/node/692545 | THEEDGEMALAYSIA.COM |
| | https://selangorjournal.my/2023/12/alert-police-of-suspicious-activity-involving-children-nancy/ | SELANGORJOURNAL.MY |
| | https://www.wilayahku.com.my/lapor-segera-sekiranya-terdapat-perkara-mencurigakan-libat-kanak-kanak/ | WILAYAHKU.COM.MY |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/12/04/nancy-shukri-alert-the-police-of-any-suspicious-activity-involving-children/105699 | MALAYMAIL.COM |
| | https://www.newsarawaktribune.com.my/tip-off-ministry-if-there-are-cases-of-baby-dumping/ | NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY |
| | https://www.newsarawaktribune.com.my/are-you-abused-come-forward/ | NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY |
| | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2250760 | BERNAMA.COM |
| | https://www.sinardaily.my/article/213432/malaysia/national/alert-the-police-of-any-suspicious-activity-involving-children---nancy | SINARDAILY.MY |
| | https://www.getaran.my/artikel/semasa/54605/segera-lapor-jika-lihat-perkara-mencurigakan-libatkan-kanak-kanak-nancy | GETARAN.MY |
| | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/kaedah-selamat-kebajikan-bayi-terjaga-x8q7x3q | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=IWGCsGlSkes | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **SARAWAK STEPS UP EFFORTS TO PREVENT TEENAGE PREGNANCIES, SAYS STATE MINISTER** | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/12/04/sarawak-steps-up-efforts-to-prevent-teenage-pregnancies-says-state-minister | THESTAR.COM.MY |

5/12/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **PERAK WUJUD PASUKAN PETUGAS AUDIT PENUBUHAN TASKA DI TEMPAT KERJA** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/12/1185104/perak-wujud-pasukan-petugas-audit-penubuhan-taska-di-tempat-kerja | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **KES ABAI KANAK-KANAK DI PERAK MENINGKAT 3 TAHUN BERTURUT-TURUT** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/637924/edisi/perak/kes-abai-kanak-kanak-di-perak-meningkat-3-tahun-berturut-turut | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/12/04/child-abuse-cases-have-dropped-significantly-says-perak-exco-member | THESTAR.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-penganiayaan-pengabaian-kanakkanak-di-perak-meningkat-448648 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/dun-perak-1402-kes-penganiayaan-pengabaian-kanak-kanak/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/12/04/1402-kes-penganiayaan-pengabaian-kanak-kanak-dari-2020-2023/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=trE4oKO9HWY | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **PUSAT HIBURAN PENDIDIKAN MAMPU PUPUK IKATAN KEKELUARGAAN** | |
| | https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/12/1184879/pusat-hiburan-pendidikan-mampu-pupuk-ikatan-kekeluargaan | BHARIAN.COM.MY |

5/12/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **SELISIH FAHAM ANTARA KES TERTINGGI KEGANASAN RUMAH TANGGA DI PAHANG** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1037031/selisih-faham-antara-kes-tertinggi-keganasan-rumah-tangga-di-pahang | HMETRO.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/12/04/cemburu-antara-punca-keganasan-rumah-tangga-di-pahang/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/12/1185139/selisih-faham-masalah-kewangan-mabuk-antara-punca-utama-keganasan-rumah | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/637953/edisi/pahang/131-kes-keganasan-rumah-tangga-dalam-tempoh-enam-bulan | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://thesun.my/cerita/berita/selisih-faham-masalah-kewangan-antara-faktor-berlaku-keganasan-rumah-tangga-di-pahang-GK11827001 | THESUN.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **SETIAP HARI TERIMA LAPORAN KES ABAI, DERA KANAK-KANAK** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/12/04/setiap-hari-terima-laporan-kes-abai-dera-kanak-kanak/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **ENAM DIDAKWA ROGOL, AMANG SEKSUAL FIZIKAL KANAK-KANAK PEREMPUAN 11 TAHUN** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/12/04/enam-didakwa-rogol-amang-seksual-fizikal-kanak-kanak-perempuan-11-tahun/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=Ar3xPdY9mog | YOUTUBE |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1036957/5-beradik-dituduh-rogol-amang-seksual-budak-11-tahun | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/enam-termasuk-5-beradik-didakwa-rogol-amang-seksual-kanakkanak-11-tahun-448700 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/12/1184944/5-beradik-antara-enam-dituduh-rogol-budak-11-tahun | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2023/12/986295/six-men-including-5-siblings-charged-gang-rape-11-year-old-girl | NST.COM.MY |

5/12/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **KANAK-KANAK ENAM TAHUN MENINGGAL DUNIA DISYAKI DIDERA PENJAGA** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-enam-tahun-meninggal-dunia-disyaki-didera-penjaga-448741 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/12/1185186/budak-enam-tahun-maut-dipercayai-didera-diabaikan | BHARIAN.COM.MY |
| | https://selangorkini.my/2023/12/kanak-kanak-enam-tahun-meninggal-dunia-disyaki-didera-penjaga/ | SELANGORKINI.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2251024 | BERNAMA.COM |
| | https://malaysiagazette.com/2023/12/04/kanak-kanak-mati-disyaki-mangsa-dera/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **KES PELAJAR OKU AMANG SEKSUAL 14 RAKAN ASRAMA DIRUJUK TPR** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/12/04/kes-pelajar-oku-amang-seksual-14-rakan-asrama-dirujuk-tpr/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/12/04/cabul-oku-polis-rekod-keterangan-12-pelajar/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://tvstv.my/2023/12/04/polis-ambil-keterangan-12-daripada-14-pelajar-oku-mangsa-cabul/ | TVSTV.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-cabul-oku-polis-rekod-keterangan-12-pelajar-448704 | ASTROAWANI.COM |

5/12/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **PELAJAR OKU MANGSA CABUL DI ASRAMA DIBERI KAUNSELING** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1037126/pelajar-oku-mangsa-cabul-di-asrama-diberi-kaunseling | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/pelajar-oku-mangsa-cabul-diberi-kaunseling/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/638036/berita/semasa/kpm-beri-kaunseling-kepada-14-pelajar-oku-mangsa-cabul | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/pelajar-oku-mangsa-cabul-diberi-kaunseling | BERITA.RTM.GOV.MY |

# Manfaat talian 15999 untuk bendung permasalahan kanak-kanak

Mohd Roji Kawi
am@hmetro.com.my

NANCY berucap pada pelancaran Program Advokasi Hentikan Penderaan Kanak-Kanak di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Samariang. FOTO BERNAMA

Kuching: Orang ramai digalakkan menghubungi Talian Kasih di 15999 jika berlaku kes pembuangan bayi bagi membolehkan tindakan segera diambil untuk menyelamatkannya.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Datuk Seri Nancy Shukri berkata, cara itu dikenal pasti lebih berkesan untuk menangani isu terbabit kerana aduan terus diterima oleh institusi di bawah kementeriannya seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Menurutnya, KPWKM akan memperhebatkan promosi menerusi program advokasi bagi menggalakkan orang ramai memanfaatkan Talian Kasih jika berlaku sebarang isu berkaitan kanak-kanak.

"Sebab itu kami menganjurkan program ini untuk beri pendedahan kepada masyarakat, bagaimana hendak melaporkan apa sahaja isu berkaitan kanak-kanak dengan segera.

"Kami ada di semua daerah, jadi mudah untuk tindakan segera diambil sebaik kami menerima aduan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Program Advokasi Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Baru Semariang di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Nancy berkata, sebelum ini pernah ada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyediakan 'Baby Hatch' bagi menempatkan bayi yang tidak dikehendaki oleh ibu atau bapanya.

Kaedah itu diperkenalkan bagi membendung isu pembuangan bayi di tempat awam seperti rumah ibadat, hadapan rumah penduduk malah tong sampah.

Bagaimanapun, Nancy berkata, kaedah itu mengundang pelbagai tanggapan masyarakat termasuk ada yang menganggap ia seolah-olah menggalakkan pembuangan bayi.

"Sebab itu kaedah 'Baby Hatch' tidak berkembang dan hanya satu sahaja yang sempat beroperasi.

"Sehubungan itu, ramai yang mahukan agar KPWKM mengambil bayi itu secara rasmi dan menguruskan bayi itu seperti membawanya ke hospital untuk rawatan dan pemeriksaan kesihatan kemudian mendapatkan perintah mahkamah sama ada membenarkan institusi kami menjaganya sementara siasatan dijalankan polis," katanya.

Mengenai program berkenaan, Nancy berkata, ia memberi ruang agar masyarakat bersama-sama mencari solusi yang tepat dalam mengatasi permasalahan sosial berkaitan kanak-kanak serta menjaga keselamatan dan melindungi kanak-kanak agar dapat mengekang peningkatan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak pada masa hadapan.

**Disiarkan pada: Disember 4, 2023 @ 2:48pm**

# Sarawak steps up efforts to prevent teenage pregnancies, says state minister

By SHARON LING




State Women, Childhood and Community Wellbeing Development Minister Datuk Seri Fatimah Abdullah pointing out statistics of abandoned baby cases in Sarawak during a press conference in Kuching. - ZULAZHAR SHEBLEE/The Star

KUCHING: Sarawak is stepping up efforts to prevent teen pregnancies following a baby dumping case involving an underaged girl.

State Women, Childhood and Community Wellbeing Development Minister Datuk Seri Fatimah Abdullah said she was concerned by the latest case of a 14-year-old girl abandoning her newborn daughter last week.

The infant was discovered by residents at Bandar Baru Semariang here on Nov 29 and sent to the Sarawak General Hospital.

The teenager and an 18-year-old boy have since been arrested in connection with the case.

"We want to reduce teenage pregnancies because we look at the teen mother as someone who is still a child herself, and what will happen to babies born in these cases," Fatimah told a press conference here on Monday (Dec 4).

She said this was the fourth baby dumping case reported in the state this year. There were six reported cases last year and 10 in 2021.

She also said as of October this year, Sarawak recorded 1,760 teen pregnancies while the whole of last year were 1,536 cases.

To address this, Fatimah said more awareness and preventive programmes would be carried out in schools and communities, including sexual education awareness and advocacy programme (KAPS) and social development dialogue.

"Our target groups for KAPS include students, parent-teacher associations and community leaders.

"We also hold this programme in the community to reach out to the school dropouts," she added.

Fatimah said her ministry also reached out to pregnant girls through its one-stop teenage pregnancy centre to provide help and support.

In addition, she said the Welfare Department's Taman Sri Puteri facility here provided a safe place for pregnant girls to be cared for until they give birth.

"I hope parents and carers of these young girls will contact the Welfare Department, Sarawak Women and Family Department or non-governmental organisations for assistance and guidance," she added.

# Kes abai kanak-kanak di Perak meningkat 3 tahun berturut-turut

oleh SAIFULLAH AHMAD Follow 04 Disember 2023 10:11am Masa membaca: 1 minit

Salbiah ketika menjawab soalan lisan Wasanthee ketika Sidang DUN Perak pada Isnin. - Foto Urusetia DUN Perak

IPOH - Kes melibatkan penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak di Perak mengalami peningkatan selama tiga tahun berturut-turut sejak tahun 2020 hingga 2023.

Exco Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Perak, Datuk Salbiah Mohamed berkata, terdapat empat jenis penganiayaan terhadap kanak-kanak iaitu penderaan seksual, fizikal, emosi dan pengabaian.

Menurutnya, kes tertinggi dicatat pada tahun 2022 iaitu sebanyak 532 kes diikuti pada tahun 2021 (370 kes) dan 332 kes pada tahun 2020.

> **"Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi trend turun naik graf statistik kes penganiayaan atau pengabaian kanak-kanak ini. Seperti kita semua sedia maklum, peningkatan mendadak berlaku pada tahun 2021 dan 2022 yang merupakan tahun Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat serangan Covid 19.**

"Dalam tempoh ini, tekanan dan kesulitan hidup rakyat yang terpaksa berkurung di rumah telah membuatkan emosi amat menekan sehinggakan kanak-kanak turut dijadikan mangsa," katanya ketika menjawab soalan lisan S Wasanthee (PH-Hutan Melintang) sempena Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak pada Isnin.

Salbiah berkata, bagaimanapun bagi kes yang sama untuk tahun semasa iaitu sehingga 30 November 2023, berlaku penurunan yang signifikan iaitu sebanyak 168 kes sahaja yang telah dilaporkan dan sedang diurus dengan cermat oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Dalam pada itu, beliau menjelaskan pola peningkatan kes yang berlaku perlu dilihat dalam satu sisi pandang yang amat positif melibatkan kesedaran yang tinggi dalam kalangan rakyat untuk melaporkan sebarang kes kepada pihak berkuasa.

"Sepanjang Tahun 2023 ini, kerajaan negeri melalui Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat bersama JKM telah bekerja secara sinergi bersama pelbagai pihak secara rentas agensi dengan turun secara agresif ke sekolah-sekolah dan institusi pendidikan dalam memberi kesedaran yang kuat agar usaha melawan serta melaporkan kes penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak dapat digerakkan dan menjadi budaya yang mampan.

# Pusat hiburan pendidikan mampu pupuk ikatan kekeluargaan

Oleh Ruwaida Md Zain - Disember 4, 2023 @ 9:57am
bhnews@bh.com.my

Pengunjung mencuba pelbagai teknologi hiburan dan seni yang disediakan di Immersive Winterland di i-City, Shah Alam. - NSTP/Faiz Anuar

SHAH ALAM: Pusat pendidikan hiburan (edutainment) yang diwujudkan di premis tertentu mampu menjadi platform untuk memupuk ikatan kekeluargaan, selain dapat meluangkan masa berkualiti dalam suasana sihat.

Menariknya, pusat seumpama juga tidak ketinggalan menjadi tempat terapi minda kepada kepada golongan istimewa seperti kanak-kanak autisme dengan aktiviti bersesuaian.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Nancy Shukri, berkata pihak kementerian sentiasa mencari peluang untuk melihat tempat yang menjadi tarikan buat kanak-kanak dan insan istimewa menikmati aktiviti berkualiti bersama keluarga.

"Justeru, kami memang menggalakkan keluarga untuk bercuti bersama dan menikmati apa yang kita ada di dalam negara seperti di i-City sebagai tempat tarikan terbarunya, iaitu Immersive Winterland.

"Kami sentiasa mengadakan 'engagement' dengan golongan kanak-kanak, ibu bapa dan warga emas juga Orang Kurang Upaya (OKU).

"Ini peluang untuk meraikan mereka yang mana pada Disember adalah Hari OKU yang mungkin mereka yang mempunyai anak OKU boleh membawa anak mereka ke sini," katanya ketika merasmikan Immersive Winterland di i-City, di sini, baru-baru ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri (dua dari kiri) diiringi Pengerusi i-Berhad, Tan Sri Lim Kim Hong (tengah) meninjau sekitar Immersive Winterland di i-City, Shah Alam. - NSTP/Faiz Anuar

Inisiatif i-City melancarkan Immersive Winterland adalah seiring dengan trend semasa yang memanfaatkan teknologi dalam permainan dan pendidikan kanak-kanak.

Nancy berkata, kementerian itu mengalu-alukan kerjasama pihak swasta dalam usaha memupuk semangat kekeluargaan.

"Dengan penggunaan teknologi imersif dan 'virtual reality' yang terkini, tarikan terbahru ini sesuai untuk golongan terbabit," katanya.

Dengan diskaun harga rendah ini, empat sekeluarga boleh mendapatkan pakej riadah dengan harga mampu milik.

Beliau berharap dengan adanya diskaun itu ia memberi kelegaan kewangan kepada keluarga di musim cuti, tidak lama lagi sekali gus dapat ahli keluarga dapat meluangkan masa dengan lebih bermakna dan berkualiti dalam persekitaran selamat di pusat terbabit.

# Kanak-kanak enam tahun meninggal dunia disyaki didera penjaga

Bernama
Disember 4, 2023 23:45 MYT

*Zam Halim berkata siasatan awal mendapati kira-kira 11.30 pagi pada hari kejadian, mangsa sedang tidur di dalam bilik ketika bapa mangsa keluar untuk membeli makanan. - Gambar fail/Bernama*

**KUALA LUMPUR:** Seorang kanak-kanak perempuan berusia enam tahun disahkan meninggal dunia disyaki didera dan diabaikan oleh penjaganya di sebuah flat perumahan di Bandar Tun Razak di sini Sabtu lepas.

Ketua Polis Daerah Cheras ACP Zam Halim Jamaluddin berkata mangsa yang merupakan warga tempatan itu telah dihantar ke Hospital Tunku Azizah di sini dalam keadaaan tidak sedarkan diri kira-kira 3.40 petang.

"Mangsa disahkan meninggal dunia pada hari yang sama dan disyaki terdapat unsur penderaan serta pengabaian oleh penjaga," katanya dalam kenyataan hari ini.

Zam Halim berkata siasatan awal mendapati kira-kira 11.30 pagi pada hari kejadian, mangsa sedang tidur di dalam bilik ketika bapa mangsa keluar untuk membeli makanan.

"Pada 2.30 petang, bapa mangsa telah menjumpai mangsa dalam keadaan tidak sedarkan diri selepas balik ke rumah.

"Polis juga sudah merakam keterangan bapa mangsa dan setakat ini belum ada tangkapan dibuat," katanya.

Beliau berkata mayat mangsa telah dihantar ke Jabatan Forensik Hospital Kuala Lumpur untuk proses bedah siasat dan kes itu disiasat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 iaitu pengabaian terhadap kanak-kanak.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kejadian ini boleh menghubungi Hotline Polis Cheras menerusi talian 03-9284 5050/ 5051, Hotline Polis Kuala Lumpur 03-2115 9999 atau mana-mana balai polis yang berdekatan," katanya.

# Kes pelajar OKU amang seksual 14 rakan asrama dirujuk TPR

Oleh NOOR HASLIZA NUSI 4 Disember 2023, 10:40 am

Gambar hiasan

SEBERANG PERAI – Polis dalam proses menyiapkan kertas siasatan berhubung kes amang seksual membabitkan seorang pelajar orang kelainan upaya (OKU) berusia 13 tahun terhadap 14 rakannya di asrama lelaki sebuah sekolah menengah di Kepala Batas di sini, minggu lalu.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara Asisten Komisioner Mohd. Asri Shafie berkata, kertas siasatan tersebut akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR) dalam tempoh terdekat.

Menurutnya, suspek lelaki yang mengalami masalah pembelajaran itu ditahan bagi membantu siasatan berhubung laporan yang dibuat pengetua sekolah terbabit, Jumaat lalu.

"Tangkapan ke atas remaja berusia 13 tahun itu dibuat selepas polis menerima aduan daripada pengetua berkenaan. Kesemua mangsa terlibat berusia antara 13 sehingga 14 tahun.

"Mangsa terdiri daripada pelajar OKU yang mempunyai masalah pembelajaran, penglihatan, pendengaran dan autisme," katanya kepada Kosmo! di sini, semalam.

Beliau memberitahu, kes disiasat mengikut Seksyen 14 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan. -KOSMO! ONLINE

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | 5 BERADIK ANTARA ENAM DITIDUH ROGOL BUDAK | | |
| HARI : | SELASA | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH : | 5 DIS 2023 | M/SURAT : | 16 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

*Tertuduh dibawa ke Mahkamah Sesyen Ipoh, semalam.*
(Foto Muhammad Zulsyamini Sufian Suri/BH)

# 5 beradik antara enam dituduh rogol budak

**Ipoh:** Lima beradik adalah antara enam lelaki dituduh di Mahkamah Sesyen semalam atas tuduhan amang seksual serta merogol seorang budak perempuan 11 tahun, awal bulan lalu.

Empat daripada mereka meliputi tiga beradik iaitu tertuduh yang berusia 14, 17, dan 23 tahun serta seorang rakan mereka yang berusia 16 tahun mengaku tidak bersalah ketika pertuduhan merogol kanak-kanak itu dibacakan.

Dua lagi iaitu tertuduh yang juga abang kepada tiga beradik yang dituduh merogol berkumpulan itu yang masing-masing berusia 25 dan 31 tahun, bagaimanapun mengaku bersalah bagi pertuduhan melakukan amang seksual fizikal ke atas kanak-kanak sama.

Berdasarkan kertas pertuduhan, empat daripada mereka secara bersama-sama dituduh melakukan rogol berkumpulan budak 11 tahun di sebuah bilik sebuah rumah di Kampung Pahat Luar, Gerik dalam daerah Hulu Perak pada awal bulan November lalu.

Pertuduhan dibaca mengikut Seksyen 375B Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan memperuntukkan hukuman penjara minimum 10 tahun dan tidak melebihi 30 tahun.

Bagi pertuduhan amang seksual pula, dua beradik berusia 25 dan 31 tahun itu masing-masing dituduh melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa pada awal November lalu.

Pertuduhan bagi kes amang seksual itu dibuat mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan boleh dihukum mengikut peruntukan yang sama, memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan sebatan.

Pertuduhan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Firdaus Nor Azlan di hadapan Hakim, Rohaida Ishak manakala semua tertuduh tidak diwakili peguam.

Hakim menetapkan jaminan RM4,000 bagi setiap tertuduh dengan seorang penjamin serta membenarkan syarat tambahan seperti yang dimohon oleh Muhammad Firdaus.

Rohaida menetapkan 22 Januari depan untuk sebutan semula kes termasuk bagi menunggu laporan pakar psikiatri mangsa, lantikan peguam, selain keputusan kes bagi dua tertuduh yang mengaku bersalah bagi kesalahan amang seksual berkenaan.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | BIMBANG HILANG TEMPAT BERGANTUNG PUNCA TAK LAPOR KES DERA, JENAYAH | | |
| HARI : | SELASA | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH : | 5 DIS 2023 | M/SURAT : | 22 |
| TONE : | NEUTRAL | SEKTOR : | KPWKM |

# Bimbang hilang tempat bergantung punca tak lapor kes dera, jenayah

## Kanak-kanak khuatir keluarga berdepan masalah jika pelaku kena tangkap

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Hanya tiga daripada 10 kes membabitkan penderaan oleh ahli keluarga sendiri terhadap kanak-kanak yang dilaporkan kepada pihak berkuasa.

Perkara itu diakui oleh Ketua Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Mohd Ali Taib yang menyatakan hanya jumlah itu yang tampil supaya tindakan diambil.

Ini kerana katanya, kanak-kanak cenderung berasa bersalah dan bimbang apa akan berlaku kepada ibu dan keluarga jika bapa ditangkap.

"Dalam satu kes di Johor, seorang kanak-kanak didapati hamil tujuh bulan selepas didera secara seksual oleh bapanya.

"Kes itu hanya dilaporkan selepas pemeriksaan kesihatan pihak sekolah mendapati gadis itu hamil.

"Apabila JKM menemu bualnya, dia menyatakan bimbang dengan keadaan ibunya sakit dan kebajikan keluarga jika bapanya tiada," katanya pada Majlis Townhall Yayasan Chow Kit 'Working Together To Enhance Child Protection', baru-baru ini.

Hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri dan Pengasas Bersama Yayasan Chow Kit, Datuk Dr Hartini Zainuddin.

Dalam kes lain pula, Mohd Ali berkata, seorang ibu membuat video lucah anak perempuannya semata-mata untuk menjelaskan hutang.

Katanya, kanak-kanak itu sedar kesalahan dilakukan ibunya itu tetapi tidak melaporkannya dan laporan hanya dibuat selepas video itu ditemui.

"JKM secara konsisten sentiasa memaklumkan mangsa terutama kanak-kanak maklumat yang mereka kongsi selamat jika tampil ke hadapan.

"Jadi mereka tidak perlu risau untuk memberikan sebarang maklumat," katanya.

*Wan Azizah bersama Nancy (tiga dari kanan), Hartini (dua dari kiri) serta Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay (dua dari kanan) pada Majlis Townhall Yayasan Chow Kit 'Working Together To Enhance Child Protection' di Kuala Lumpur.* (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

### Lebih suka berdiam diri

Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Bukit Aman, Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan, berkata antara penyebab mangsa gangguan seksual enggan melaporkan kepada pihak berkuasa kerana tidak mahu keluarga berdepan masalah. Ini menyebabkan mangsa gangguan seksual terutama membabitkan ahli keluarga berdiam diri.

Katanya, ini kerana pelaku mungkin pencari nafkah dalam keluarga dan mangsa tidak mahu kebajikan keluarga terabai.

"Walaupun ada kes dilaporkan dan pelaku didakwa, ia tidak menyelesaikan punca masalah kerana mereka tidak diberi penyelesaian kepada masalah itu.

"Memang kes dapat diselesaikan melalui undang-undang, tetapi untuk mangsa tiada, sedangkan ia perlu untuk kelangsungan hidup," katanya.

Justeru, sistem sokongan yang komprehensif penting bagi membantu mangsa.

Nancy ketika berucap, berkata pihaknya sentiasa terbuka kepada cadangan dan idea baharu selaras keperluan dan keperluan semasa kerana perlindungan kanak-kanak adalah tanggungjawab semua lapisan masyarakat.

Kementeriannya akan mengukuhkan kerjasama antara agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), komuniti dan keluarga dalam mengenal pasti, melaporkan dan menangani kes penderaan atau penganiayaan kanak-kanak.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | WUJUD PASUKAN PETUGAS GALAK OPERASI TASKA TEMPAT KERJA SEKTOR AWAM | | |
| HARI : | SELASA | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH : | 5 DIS 2023 | M/SURAT : | 18 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

## Sidang DUN Perak

# Wujud pasukan petugas galak operasi taska tempat kerja sektor awam

**Ipoh:** Kerajaan Perak mewujudkan Pasukan Petugas Pengauditan Penubuhan Taska Tempat Kerja sebagai langkah menggalakkan pengoperasian taska di tempat kerja sektor awam.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Salbiah Mohamed, berkata inisiatif itu menyasarkan semua pejabat kerajaan di seluruh negeri ini meliputi pejabat daerah dan tanah, majlis daerah, perbadanan, institusi pengajian tinggi dan hospital kerajaan.

"Surat makluman mengenai perkara ini sudah diedarkan ke semua jabatan kerajaan bersama-sama Borang Maklumat Penubuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak Tempat Kerja Sektor Awam maka saya menyeru kepada ketua jabatan, khususnya Pejabat Daerah dan Tanah, Majlis Daerah dan Jabatan-Jabatan Negeri untuk melihat perkara ini.

"Mulai 2024 pihak kerajaan negeri akan menggerakkan pasukan petugas ini dengan lebih agresif supaya taska dapat diwujudkan di pejabat utama. Ia demi keselamatan anak-anak dan paling penting memberi kelegaan kepada ibu bapa bekerja," katanya pada sesi soal jawab di Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak di sini semalam.

*Salbiah Mohamed*

Salbiah (BN-Temengor) menjawab soalan S Wasanthee (PH-Hutan Melintang) yang ingin tahu jumlah kes penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak di Perak untuk tiga tahun dan adakah kerajaan negeri menyediakan sebarang insentif untuk menggalakkan penubuhan pusat jagaan kanak-kanak taska dan tadika di kilang, jabatan dan premis beli-belah.

Beliau berkata bagi menggalakkan penubuhan taska di kilang dan premis beli-belah, kerajaan negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengadakan kempen dan sesi penerangan melalui kempen Jom Daftar TASKA.

"Melalui kempen ini, pihak pengurusan kilang atau pasar raya akan dimaklumkan mengenai kriteria dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi sebelum memulakan operasi penubuhan taska di tempat kerja," katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | 5 BERADIK ANTARA ENAM LELAKI DITUDUH | | |
| HARI : | SELASA | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH : | 5 DIS 2023 | M/SURAT : | 06 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

TUDUHAN AMANG SEKSUAL & ROGOL BUDAK 11 TAHUN

# 5 beradik antara enam lelaki dituduh

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
am@hmetro.com.my

**Ipoh**

Lima beradik antara enam lelaki yang dituduh di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan amang seksual dan merogol kanak-kanak perempuan 11 tahun, awal bulan lalu.

Bagaimanapun, tiga beradik yang berusia 14, 17, dan 23 tahun serta seorang rakan mereka yang berusia 16 tahun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan merogol dibacakan di hadapan Hakim Rohaida Ishak.

Manakala dua lagi tertuduh iaitu dua abang kepada tiga beradik berkenaan yang masing-masing berusia 25 dan 31 tahun mengaku bersalah bagi pertuduhan melakukan amang seksual fizikal.

Berdasarkan kertas pertuduhan, empat tertuduh didakwa melakukan rogol berkumpulan ke atas mangsa yang berumur 11 tahun dua bulan di sebuah rumah di Kampung Pahat Luar, Gerik pada November lalu.

Pertuduhan dibaca mengikut Seksyen 375B Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan memperuntukkan hukuman penjara minimum 10 tahun dan tidak melebihi 30 tahun.

Bagi pertuduhan amang seksual pula, dua beradik terbabit dituduh melakukan perbuatan itu terhadap mangsa sama di lokasi dan tarikh sama mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang boleh dihukum mengikut peruntukan yang sama, memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan sebatan jika sabit kesalahan.

ENAM lelaki termasuk lima beradik dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar. - Gambar NSTP/MUHAMMAD ZULSYAMINI SUFIAN SURI

Mahkamah menetapkan 22 Januari depan untuk sebutan semula kes, laporan pakar psikiatri mangsa, lantikan peguam, selain keputusan kes bagi dua tertuduh yang mengaku bersalah bagi kesalahan amang seksual berkenaan.

Pertuduhan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Firdaus Nor Azlan manakala semua tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM4,000 setiap seorang dengan seorang penjamin serta syarat tambahan dilarang mendekati atau mengganggu mangsa selain perlu melaporkan diri di balai polis berhampiran sekali setiap bulan sehingga kes selesai.

Mahkamah menetapkan 22 Januari depan untuk sebutan semula kes, laporan pakar psikiatri mangsa, lantikan peguam, selain keputusan kes bagi dua tertuduh yang mengaku bersalah bagi kesalahan amang seksual berkenaan.

Pada 22 November lalu, akhbar ini melaporkan enam beradik adalah antara tujuh lelaki yang ditahan polis kerana disyaki merogol budak perempuan berusia 11 tahun secara bergilir-gilir dalam kejadian Kampung Pahat Luar di Gerik.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | MAYAT BAYI DITEMUI DI PESISIR PANTAI | | |
| HARI : | SELASA | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH : | 5 DIS 2023 | M/SURAT : | 17 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Mayat bayi ditemui di pesisir pantai

**Georgetown:** Pengunjung Pantai Queensbay di Bayan Baru, dekat sini, gempar apabila mayat seorang bayi perempuan ditemukan terdampar di kawasan pesisiran pantai itu kelmarin.

Ketua Polis Daerah Barat Daya Superintenden Kamarul Rizal Jenal berkata pihaknya menerima maklumat berhubung penemuan jasad bayi malang itu dalam keadaan bogel dan sempurna pada 5.55 petang.

"Siasatan awal di tempat kejadian mendapati mayat bayi perempuan yang dijumpai itu disyaki dihanyutkan oleh arus laut sehingga terdampar di tepi pantai tersebut.

"Mayat bayi itu telah dihantar ke Hospital Pulau Pinang untuk bedah siasat dan kes disiasat mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksaan," katanya.

Beliau berkata orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kes itu diminta menghubungi pihak polis atau tampil di balai berdekatan untuk membantu siasatan.

ANGGOTA forensik melakukan siasatan di lokasi penemuan mayat bayi perempuan.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | SELISIH FAHAM KES KEGANASAN RUMAH TANGGA TERTINGGI | | |
| HARI : | SELASA | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH : | 5 DIS 2023 | M/SURAT : | 16 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Selisih faham kes keganasan rumah tangga tertinggi

**Kuantan:** Perselisihan faham merekodkan 296 daripada 384 kes tertinggi berkaitan masalah keganasan rumah tangga yang dilaporkan di Pahang sepanjang tempoh tahun lalu hingga Jun tahun ini.

**Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Pahang Datuk Sabariah Saidan** berkata, kes kedua tertinggi membabitkan masalah kewangan iaitu 38 kes, mabuk dan penyalahgunaan, masing-masing merekodkan 13 kes.

Menurutnya, selain itu sembilan kes membabitkan masalah anak, diikuti masalah keluarga, cemburu, perebutan harta dan anak serta proses perceraian.

"Oleh itu antara langkah yang diambil Kerajaan Pahang dalam membendung masalah keganasan rumah tangga adalah melalui Kaunter Aduanita dan Anggun Care yang dilaksanakan oleh Unit Pembangunan Wanita," katanya.

> *Pelbagai program disusun termasuk program literasi undang-undang dan turun padang di peringkat daerah dalam usaha meningkatkan pengetahuan wanita"*
>
> ***Sabariah Saidan***

Sabariah menjawab soalan **Woo Chee Wan (PH-Mentakab)** yang ingin tahu jumlah kes keganasan rumah tangga yang semakin membimbangkan di Pahang Sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) Pahang di Wisma Sri Pahang di sini, semalam.

Beliau berkata, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan kebajikan Masyarakat (JKM) secara berterusan melaksanakan program untuk menangani keganasan rumah tangga.

Katanya, ini kerana ia bukan sahaja memberi kesan kepada individu yang terbabit, malah kepada keluarga, masyarakat serta negara keseluruhannya.

"Pelbagai program disusun termasuk program literasi undang-undang dan turun padang di peringkat daerah dalam usaha meningkatkan pengetahuan wanita.

"Selain itu sebanyak 15 Program Jerayawara Akta Keganasan Rumah Tangga giat dilaksanakan di peringkat negeri dan daerah dalam usaha meningkatkan pengetahuan orang awam mengenai isu dan perundangan berkaitan keganasan rumah tangga," katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | GOVT PREMISES IN PERAK TO HOUSE CHILDCARE CENTRES | | |
| HARI : | SELASA | AKHBAR : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH : | 5 DIS 2023 | M/SURAT : | 06 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

FROM NEXT YEAR

# Govt premises in Perak to house childcare centres

**IPOH:** The state government will have childcare centres (taska) at government premises beginning next year.

Following this, state Women, Family, Social Welfare, Cooperatives and Entrepreneur Development Committee chairman Datuk Salbiah Mohamed said the Perak Welfare Department has formed a task force for the establishment of workplace nurseries.

Salbiah said through this initiative, the department had targeted all government offices in Perak with such potential including district and land offices, district councils, higher education institutions and government hospitals.

"Letters on this matter have been distributed to all government departments and we have also attached the Public Sector Workplace Child Care Establishment Information Form.

"This is for the safety of children and most importantly offers relief to working parents."

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | 'MINISTRY TO GIVE SUPPORT YO EXPECTING UNDERAGE GIRLS' | | |
| HARI : | SELASA | AKHBAR : | THE BORNEO POST |
| TARIKH : | 5 DIS 2023 | M/SURAT : | 04 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# 'Ministry to give support to expecting underage girls'

Sam Chua

Fatimah (third left), accompanied by her permanent secretary Noriah Ahmad, witnesses the exchange of the MoU documents between her ministry and the state Prisons Department at her office.

**KUCHING:** The Ministry of Women, Early Childhood and Community Wellbeing Development will provide support to teenage girls who fall pregnant at a very young age, said minister Dato Sri Fatimah Abdullah.

She said her ministry aims to take a more forward-looking approach to support these underage girls in dealing with pregnancy out of wedlock, while safeguarding the welfare of both the mothers and their babies.

"The idea is, if teenage pregnancy does happen, we need to move on and we want to make sure the young mothers can move on as well and to start a new chapter in their life," said Fatimah during a press conference at her office in Baitulmakmur Building II at Petra Jaya yesterday.

She said various government policies have been put in place to allow underage mothers to seek help for their situation, particularly so when teenage pregnancy poses significant health risks to both the mothers and the babies.

"To girls who might need protection, a safe and nurturing place to stay throughout their pregnancy till birth, we have Taman Sri Puteri in Kuching," she added.

She informed that Taman Sri Puteri located at Telaga Air here provides a secure location for expecting underage mothers, and they are given the option of whether to put the baby up for adoption or to be raised by the underage girl's family once the child is born.

"Pregnancy is already a difficult process for an ordinary adult and what more to say to a child. It must have been overwhelming for them since they cannot talk to their parents about it and there is no place for them to share their concerns."

Providing statistics on baby dumping cases in Sarawak, Fatimah highlighted there had been 10 cases in 2016; four in 2017; 10 in 2018; five each in 2019 and 2020; 10 in 2021; five in 2022; and four this year so far.

Moreover, the ministry works with other government departments such as the Education Department, to enable underage mothers to resume their studies after giving birth, she added.

She further said arrangement scould also be made to have the girl enrolled into a new school to avoid stigmatisation.

She explained that underage girls who fell pregnant had a high tendency of dropping out from school and thus, jeopardising their future.

On adoption of babies born out of wedlock, Fatimah reminded that proper adoption process must be followed to avoid the child from facing the daunting task of applying for citizenship later in life.

Fatimah also informed that there is only one operational baby hatch facility in Sarawak located at Borneo Medical Centre here, while another such facility at a private hospital is in the final stage of being set up.

At the same time, she said various sexual education programmes have been carried out in secondary schools to promote awareness and the initiative will be expanded to primary schools next year.

Fatimah also expressed sadness over the recent case of an abandoned baby here, born to a girl who was only 14 years old.

Meanwhile, a Memorandum of Understanding (MoU) exchange ceremony took place during the press conference between Fatimah's ministry and the state Prisons Department to facilitate programmes in reintegrating former inmates into the society.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | ALERT POLICE IF A CHILD IS SUSPECTED VICTIM OF ABUSE, NEGLECT - NANCY | | |
| HARI : | SELASA | AKHBAR : | THE BORNEO POST |
| TARIKH : | 5 DIS 2023 | M/SURAT : | 01 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

Nancy greets students as she arrives at SMK Bandar Samariang for the 'Child Protection Advocacy: Love for Children' programme. — Bernama photo

# Alert police if a child is suspected victim of abuse, neglect – Nancy

**Kedung B Kapong**

**KUCHING:** Teachers and the community in general must immediately report to the police if they know of or suspect that a child is being abused or neglected, said Datuk Seri Nancy Shukri.

The Women, Family and Community Development Minister said such action is important to tackle the rising number of such cases.

"Suspicious behaviour (involving a child) should be reported immediately to the police or the Talian Kasih helpline on 15999. Don't just record it for social media, but report it to us.

"Everyone should work together to find the right solutions to curb the increase in cases of child abuse and neglect. Every layer of society has a role to play in helping improve the safety of all children," she said.

She said this when speaking at the 'Child Protection Advocacy: Love for Children' programme at SMK Bandar Samariang, here yesterday.

Adding on, Nancy said under the law, children have four primary rights, namely right to life, protection, development, and participation.

"Therefore, if any of these four rights are not given or protected, children have the right to speak up and seek help from adults such as teachers or parents.

"If you know of a friend who is experiencing an unsafe situation, please report it immediately to an adult who can help, or contact the Talian Kasih helpline should you be afraid to report directly," she said.

With Nancy at the programme were Deputy Minister of Utility and Telecommunication Datuk Dr Abdul Rahman Junaidi, and state Welfare Department director Adana Jed.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | MOE PROVIDING COUNSELLING FOR DISABLED VICTIMS OF MOLESTATION - LIM | | |
| HARI : | SELASA | AKHBAR : | THE BORNEO POST |
| TARIKH : | 5 DIS 2023 | M/SURAT : | 04 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# MoE providing counselling for disabled victims of molestation — Lim

**GEORGE TOWN:** The Education Ministry (MoE) is providing counselling to 14 disabled male students who were victims of molestation at a secondary school hostel in Kepala Batas, Seberang Perai recently, said Deputy Education Minister Lim Hui Ying.

"In addition to the counselors at the special needs secondary school, MoE is also providing counselors from outside to guide the victims.

"The victims are still in the hostel and they are being closely monitored. Let the police investigate the case. MoE will ensure the victims are well taken care of," she told reporters after officiating a student awards ceremony at SMK St Xavier, here yesterday.

On Saturday, police detained a Form 1 student to facilitate investigations into a case involving the molestation of 14 disabled male students at the secondary school hostel.

Seberang Perai Utara police chief ACP Mohd Asri Shafie was reported saying the disabled 13-year-old boy was detained following a police report from the school's headmaster, and that all the victims aged between 13 and 14 had learning disabilities, visual and hearing impairments as well as autism.

Meanwhile, Lim said that the MoE has directed several improvements to guidelines at all schools and hostels, including more frequent patrols by hostel wardens, to prevent such occurrences.

She said the school authority concerned has also been directed to prepare a detailed report on the incident and submit it soon to the ministry.

The detained Form 1 boy involved in the case has been suspended and is staying at home now, she added.

"We do not have a fixed timeframe for the suspension yet. We will wait for the police investigations, which will be announced later. For now, he is back home," she said. — Bernama

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | PERAK SETS UP TASK FORCE ON ESTABLISHMENT OF CHILDCARE CENTRES AT WORKPLACES | | |
| HARI : | SELASA | AKHBAR : | THE BORNEO POST |
| TARIKH : | 5 DIS 2023 | M/SURAT : | 10 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Perak sets up task force on establishment of childcare centres at workplaces

**IPOH:** The Perak government has established a task force to audit the establishment of childcare centres (taska) at workplaces to encourage the operation of childcare centres at workplaces in the public sector.

State Women, Family, Social Welfare, Entrepreneur and Cooperatives Development Committee chairman Datuk Salbiah Mohamed said the initiative targeted all government offices, including district and land offices, district councils, corporations, institutions of higher learning and government hospitals.

"A notification regarding the matter has been distributed to all government departments along with the form on the establishment of childcare centres at public sector workplaces.

"Starting next year, the state government will mobilise this task force so that childcare centres can be set up at key offices.

"This is for the safety of the children and most importantly to give relief to working parents," she said during the question and answer session at the Perak State Assembly sitting yesterday.

Salbiah (BN-Temengor) was responding to a question from S. Wasanthee (PH-Hutan Melintang) regarding child abuse and neglect cases in Perak and whether the state government provided any incentives to encourage the establishment of childcare centres in factories, offices and shopping premises.

She said the state government through the Welfare Department held a 'Jom Daftar Taska' campaign and information session to encourage the establishment of childcare centres at factories and shopping premises.

"Through this campaign, the factory or supermarket management will be informed about the criteria and conditions that need to be followed before they can start the operation of childcare centres at the workplace," she added.

According to Salbiah, there were 332 cases of child abuse and neglect reported in Perak in 2020, and the number increased to 370 cases the following year.

The number further increased last year, recording a total of 532 cases, but there was a significant decrease with only 168 cases recorded as of November this year, she added.

She said the increase in the number of child abuse and neglect cases in 2021 and 2022, which were during the enforcement of the Movement Control Order, was due to the pressure and difficult life facing some people during the period. — Bernama

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | HUBUNGI KPWKM JIKA BERLAKU KES BUANG BAYI | | |
| HARI : | SELASA | AKHBAR : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH : | 5 DIS 2023 | M/SURAT : | 02 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Hubungi KPWKM jika berlaku kes buang bayi

## Panggilan diterima menerusi Talian Kasih KPWKM 15999 akan disalur kepada agensi relevan seperti kaunselor

**KUCHING: Orang ramai dinasihati agar menghubungi Talian Kasih Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) 15999 jika berlaku kes pembuangan bayi agar tindakan segera dapat diambil untuk menyelamatkannya.**

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata panggilan yang diterima oleh kakitangan KPWKM akan disalurkan terus kepada agensi relevan seperti kaunselor.

"Masyarakat perlu berwaspada dengan melaporkan kejadian seumpama itu.

"Siasatan akan dijalankan bagi mengenal pasti ibu kepada bayi yang ditinggalkan.

"Pada masa sama, bayi berkenaan akan dibawa ke hospital untuk rawatan lanjut.

"Kemudian kes akan dirujuk ke mahkamah bagi menentukan sama ada bayi berkenaan akan dijaga oleh kementerian atau tidak," jelasnya.

> "Masyarakat perlu berwaspada dengan melaporkan kejadian seumpama itu."
>
> **Datuk Seri Nancy Shukri**
> *Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak Peringkat Negeri 2023 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Samariang dekat sini, semalam.

Hadir sama Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi Datuk Dr Abdul Rahman Junaidi dan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak (JKMS) Adana Jed.

Mengenai usaha mewujudkan lebih banyak 'Baby Hatch', Nancy berkata ia di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

"Setakat ini Sarawak sudah ada 'Baby Hatch' bagi menangani kes pembuangan bayi. Bagaimanapun, kita tetap menggalakkan orang ramai menghubungi Talian Kasih agar kementerian boleh mengambil tindakan lebih sesuai," ujarnya.

Dalam perkembangan berkaitan Nancy menasihati kanak-kanak mangsa penderaan dan pengabaian oleh penjaga tampil membuat laporan atau menghubungi Talian Kasih.

"Malaysia mempunyai undang-undang yang melindungi hak kanak-kanak seperti hak untuk hidup, perlindungan, pembangunan dan penyertaan dalam isu sosial seperti itu.

"Oleh itu, jika mana-mana daripada empat hak ini tidak diberikan atau dilindungi, kanak-kanak berhak bersuara dan mendapatkan bantuan daripada orang dewasa seperti guru atau ibu bapa," katanya.

**KENANGAN: Nancy (barisan kedua, tengah) bersama tetamu kehormat yang lain dan pelajar pada Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak di SMK Bandar Samariang semalam.** — Gambar Roystein Emmor

Terdahulu dalam ucapan perasmiannya Nancy menekan kepentingan masyarakat mengetahui langkah-langkah yang perlu diambil sekiranya mereka menyedari kanak-kanak mengalami penderaan atau pengabaian.

Tingkah laku yang mencurigakan harus dilaporkan segera kepada polis atau menghubungi Talian Kasih, katanya.

"Jangan hanya merakamnya untuk media sosial tetapi laporkan kepada kami juga.

"Semua orang harus bekerjasama mencari penyelesaian yang tepat bagi menangani isu ini, sekali gus membendung peningkatan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak pada masa depan.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | KES CABUL OKU: POLIS REKOD KETERANGAN 12 PELAJAR | | |
| HARI : | SELASA | AKHBAR : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH : | 5 DIS 2023 | M/SURAT : | 13 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Kes cabul OKU: Polis rekod keterangan 12 pelajar

**KEPALA BATAS:** Polis telah merekodkan keterangan 12 pelajar bagi membantu siasatan berhubung kejadian cabul melibatkan 14 pelajar lelaki golongan orang kurang upaya (OKU) di asrama sebuah sekolah menengah di sini.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Selatan ACP Mohd Asri Shafie berkata pihaknya akan merekodkan keterangan beberapa lagi individu termasuk guru dan petugas di asrama sekolah itu bagi membantu siasatan.

"Kami sedang melengkapkan kertas siasatan itu, kemungkinan dalam minggu ini boleh disiapkan sebelum dihantar kepada pejabat Timbalan Pendakwa Raya untuk tindakan seterusnya," katanya ketika dihubungi Bernama semalam.

Beliau berkata berdasarkan siasatan awal, kejadian cabul membabitkan suspek pelajar Tingkatan Satu yang juga OKU itu berlaku sejak Oktober lepas dan 14 mangsa itu bertindak memaklumkan perkara tersebut kepada guru sekolah.

"Mangsa-mangsa mendakwa suspek akan mencabul tanpa mengira masa iaitu bila ada peluang dia akan buat (cabul). Mereka (mangsa-mangsa) menjadi trauma dan tidak tahan dengan tindakan suspek dan bertindak mengadu kepada guru sebelum pengetua membuat laporan polis," katanya. — Bernama

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | KURANGKAN KEHAMILAN REMAJA, BUANG BAYI | | |
| HARI : | SELASA | AKHBAR : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH : | 5 DIS 2023 | M/SURAT : | 01 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Kurangkan kehamilan remaja, buang bayi

Oleh Agnes Tugong

**KUCHING:** Program Kesedaran dan Advokasi Pendidikan Seksual (KAPS) akan diperluaskan ke sekolah rendah tahun depan melibatkan murid darjah empat hingga enam.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata program KAPS ini akan dilaksanakan bersesuaian dengan umur mereka agar mudah difahami.

Objektifnya adalah untuk mengurangkan kes kehamilan remaja dan kes buang bayi yang menjadi kebimbangan di Sarawak.

"Sejak dimulakan pada tahun 2016, program KAPS ini bukan sahaja untuk pelajar di sekolah tetapi juga dalam komuniti.

"Sehingga kini sebanyak 66 siri KAPS telah diadakan dengan penglibatan 12,695 peserta," katanya pada sidang media di Bilik Media kementeriannya, Tingkat 8, Bangunan Baitulmakmur II di sini semalam.

Mengulas lanjut, Fatimah berkata sumber daripada polis menunjukkan sebanyak empat kes buang bayi dilaporkan tahun ini setakat 4 Disember dengan dua daripadanya melibatkan kematian.

Pada 2022 katanya, enam kes buang bayi dilaporkan menurun berbanding 10 kes pada 2021, lima kes masing-masing pada 2020 dan 2019, 10 kes pada 2018, empat kes pada 2017 dan 10 kes pada 2016.

Bagi rekod kehamilan remaja pula, sebanyak 2,841 kes direkodkan pada 2016 dan jumlah ini menurun kepada 1,760 kes pada 2023 setakat Oktober.

"Kita sangat mengambil berat kes kehamilan remaja dan kes buang bayi ini dan kita mahu mengurangkan kes ini.

"Itulah juga sebab mengapa kita tubuhkan Jawatankuasa Sehenti Kehamilan Remaja pada 2016 dengan dua tujuan pertama kurangkan kehamilan remaja dan kedua kurangkan kes buang bayi," katanya.

Fatimah juga berkata tujuan penubuhan jawatankuasa ini sangat jelas dan bukannya untuk menggalakkan berlakunya kes-kes tersebut tetapi untuk menyelamatkan dua nyawa ibu mengandung dan bayi yang dikandung.

Ujar Fatimah lagi, bagi menangani isu pembuangan bayi turut ada disediakan perkhidmatan peti perlindungan bayi (baby hatch) di Kuching Specialist Hospital (KPJ) dan Borneo Medical Centre (BMC).

Manakala bagi remaja hamil yang memerlukan sokongan, terdapat rumah perlindungan iaitu Taman Seri Puteri di Telaga Air untuk membantu mereka.

**DATA:** Fatimah menunjukkan statitik kes buang bayi di Sarawak dari 2016 hingga 2023.

**● Program Kesedaran dan Advokasi Pendidikan Seksual (KAPS) akan diperluas ke sekolah rendah melibatkan murid darjah empat hingga enam.**